

NO. SOALAN :19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI. ABD. LATIFF BIN
AHMAD [MERSING]**

TARIKH JAWAPAN : 21 MAC 2017

SOALAN

DATUK DR. HAJI. ABD. LATIFF BIN AHMAD minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah bantuan Kerajaan khususnya dari Kementerian ini bagi menyelesaikan isu kemarau yang melanda Daerah Mersing terutamanya masalah di takungan air di Ampangan Chongok, Mersing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM7 juta untuk menaik taraf Empangan Congok, Mersing bagi meningkatkan kapasiti simpanan air mentah daripada 859 Juta Liter kepada 1,399 Juta Liter. Apabila siap kelak, kapasiti simpanan air Empangan Congok meningkat daripada 3 bulan kepada 5 bulan. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2018.
2. Kerajaan Persekutuan juga telah melantik Perunding untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi meningkatkan keupayaan sumber air di Daerah Mersing hingga tahun 2060. Kajian telah bermula pada Oktober 2016 dan dijangka siap pada Januari 2018. Berdasarkan maklumat awal, terdapat potensi untuk meningkatkan sumber air di Daerah Mersing melalui opsyen-opsyen pembinaan infrastruktur berikut:
 - (i) pembinaan Ampang Jajar (Baraj) di Sg. Sarah atau pun Sg. Mersing yang mempunyai anggaran keupayaan bekalan sebanyak 23JLH atau pun 33 JLH; dan

- (ii) pembinaan kolam takungan berhampiran loji Mersing yang dianggarkan berupaya menyalurkan bekalan tambahan sebanyak 43JLH.
3. Selain itu, Kerajaan Negeri Johor melalui Badan Kawal Selia Air (BAKAJ) juga sedang melaksanakan projek pemindahan air berjumlah 15 Juta Liter Sehari dari Sungai Lenggor ke Empangan Congok bagi persediaan menghadapi kemarau pada masa akan datang. Projek ini telah bermula dan dijangka siap pada bulan Mei 2017.

Sekian, terima kasih
